

Pengarah Imigresen negeri, **Faizal Fazri Othman** merupakan orang pertama menemui remaja terbabit dalam sebuah bilik rumah pangsa di Taman Semarak, Nilai, semalam. [FOTO MOHD KHIDIR ZAKARIA/BH]

BH 22/6/14 MS 10



kan ini bukan kerana saya tidak sayangkan anak tetapi menganggap itu adalah pilihan terbaik untuk masa depannya.

“Saya bukan saja tidak mampu dari segi kewangan, malah dari segi masa kerana bekerja mengikut giliran yang tidak menentu,” katanya yang berasal dari Tawau, Sabah.

Muhammad Firdaus, 15, yang kurus kering ditemui dalam bilik yang sangat kotor oleh kakitangan Jabatan Imigresen, ketika Ops Bersepadu 6P di sebuah rumah pangsa di Taman Semarak, kira-kira jam 2 pagi, semalam.

Wanita itu yang bekerja di sebuah syarikat katering di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berkata, jadual kerjanya ialah antara jam 8 pagi hingga 4 petang dan 4 petang hingga 12 tengah malam setiap hari dan kadang-kadang mengambil kerja lebih masa.

Ditanya mengenai keadaan bilik anak yang kotor, katanya sebelum pergi bekerja, dia meninggalkan makanan tetapi anaknya bukan saja tidak pandai makan, malah menaburkan makanan hingga bersepah.

# Ibu dakwa tak tahu prosedur

» Masalah kewangan punca hasrat hantar anak ke JKM tertanggung

Oleh Ziauddin Sharuddin dan Mohd Khidir Zakaria  
bhnews@bh.com.my

■ Seremban

Ibu kepada remaja orang kurang upaya (OKU) yang ditemui dalam keadaan me-

nyedihkan di Taman Semarak, Nilai, semalam, mendakwa tidak tahu bagaimana cara meminta bantuan agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Wanita berusia 40 tahun yang meminta identitinya itu dirahsiakan berkata, dia sudah lama berhasrat menghantar anaknya itu ke institusi kebajikan di bawah JKM tetapi tidak faham bagaimana prosesnya, menyebabkan niat itu tertanggung, selain kekangan kesusahan hidup.

**Mahu anak dijaga JKM**

"Namun, saya sudah buat keputusan untuk menyerahkan dia kepada jagaan JKM. Tinda-



Wartawan BH, Ziauddin menemubual ibu kepada remaja OKU terbabit.

## Remaja OKU diselaputi najis ketika ditemui

**Nilai:** Kakitangan Jabatan Imigresen terkejut besar sebaik pintu sebuah rumah pangsa di Taman Semarak di sini, dibuka apabila terserempak seorang remaja orang kurang upaya (OKU) yang disangka mayat, tiba-tiba bergerak.

Ketika ditemui kira-kira jam 2 pagi semalam, keadaan remaja berusia 15 tahun itu terlalu kecil dan kurus hingga disangka bayi, memakai baju reput yang terpalit najis dan air kencing.

Keadaan bilik didiami remaja itu yang tidak mempunyai tingkap juga sangat kotor dengan lantai dipenuhi sampah sarap, tanah dan najis kering.

Remaja itu yang dikenali sebagai Muhammad Firdaus terbaring di atas lantai, bersebelahan seekor kucing, bangun dengan perlahan dan mengesot ke pintu apabila menyedari orang yang tidak dikenali berada dalam rumah itu.

Pengarah Imigresen negeri,

Faizal Fazri Othman, orang pertama memasuki bilik itu, tidak dapat menahan emosi dan dengan sedih mengucapkan 'As-taghfirullah' dan 'sedihnya' berulang-kali melihat keadaan yang tidak pernah berlaku dalam operasi jabatan itu sebelum ini.

**Dapat maklumat PATI**

Katanya, kakitangan jabatan yang menyertai Ops Bersepadu 6P mendapat maklumat bahawa ada pendatang tanpa izin (PATI) di rumah itu.

"Kakitangan Imigresen mengambil masa 15 minit untuk membuka pintu rumah dan sebaik masuk, bau yang sangat busuk menerpa hidung kami.

"Rumah itu mempunyai tiga bilik. Selepas dua bilik lain di-

buka dan didapati tidak berpenghuni, saya membuka pintu bilik tengah dan amat terkejut kerana di depan saya kelihatan seperti mayat, tetapi tiba-tiba bergerak.

"Rupa-rupanya seorang budak OKU," katanya selepas operasi itu, semalam.

Selepas menenangkan remaja itu yang tidak boleh bercakap, katanya anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang turut menyertai operasi, membawanya menggunakan pengusung dan dihantar ke Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) untuk pemeriksaan.

**Ibu pulang jam 3 pagi**

Kira-kira jam 3 pagi, seorang wanita berusia 40 tahun tiba di

**Tak mampu beli lampin**

"Makanan yang kering dan ketidakmampuan saya membeli lampin pakai buang menyebabkan dia buang air besar merata-rata hingga keadaan bilik kotor.

"Apabila balik dari kerja, saya terlalu penat dan tidak sempat membersihkan bilik. Kebetulan kelmarin tiada air di rumah menyebabkan kekotoran itu tidak dibersihkan," katanya.

Katanya, anak OKU itu juga mempunyai tabiat suka mengigit baju menyebabkan baju yang dipakai cepat koyak dan lusuh.

Wanita itu berkata, anaknya tinggal seorang diri sepanjang ketiadaannya ketika bekerja sejak lebih setahun lalu, iaitu selepas seorang jiran yang menjaganya sejak berumur empat atau lima tahun, berpindah ke kawasan lain.

rumah itu dan mengaku ibu remaja terbabit.

Dia yang berasal dari Sabah dan bekerja dengan sebuah syarikat catering di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), merayu kakitangan Jabatan Imigresen supaya memberitahu ke mana anaknya dibawa.

Sementara itu, seorang penduduk berdekatan yang hanya mahu dikenali sebagai Nordin, memberitahu, rutin harian wanita itu ialah pergi kerja kira-kira jam 1 tengah hari dan pulang jam 3 pagi.

"Tidak sangka pula dalam operasi Jabatan Imigresen, budak itu ditemui dalam keadaan yang amat menyedihkan," katanya.

# Mangsa akan ditempatkan di pusat perlindungan

Anggota JPAM memeriksa keadaan remaja terbabit. Gambar bawah, mangsa dibawa ke hospital bagi pemeriksaan lanjut.

[FOTO MOHD KHIDIR ZAKARIA/BH]

**Kuching:** Remaja lelaki OKU yang ditemui dikurung dan dalam keadaan menyedihkan di sebuah rumah pangsa di Taman Semarak, Nilai, awal pagi semalam, akan ditempatkan di pusat perlindungan bagi memastikan nasib dan kebajikannya lebih terbela.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abd Karim, yang terkejut dan sedih dengan penemuan itu, berkata beliau sudah mengarahkan pegawai Kementerian dan agensi berkaitan, khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk meniasat kejadian itu secara terperinci.

Pada masa sama, Rohani turut mengarahkan bantuan segera dihulurkan kepada remaja terbabit, termasuk ditempatkan di pusat perlindungan kendalian JKJ.

"Kita sudah menghantar pegawai untuk meninjau keadaan re-

maja itu, termasuk lokasi dia ditemui bagi mendapatkan gambaran sebenar.

"Malah, kita cuba menemui ibunya yang ditahan sejurus kejadian bagi membantu siasatan, khusus untuk mengenal pasti apa sebenarnya berlaku," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan selepas ibunya menafikan remaja itu diabaikan.

Namun katanya, berdasarkan pemeriksaan awal, remaja itu mengalami kecacatan fizikal dan hanya mampu merangkak.

## Remaja kurang zat makanan

"Pegawai JKJ yang memeriksa remaja itu di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban, mendapati tubuhnya amat kurus kerana kurang zat makanan.

"Remaja itu mengidap celebral palsy yang menyebabkan dia tidak mampu berjalan.

"Ibu bapanya sudah bercerai dan sudah terputus hubungan dengan bapanya. Ibunya yang disoal pegawai JKJ menafikan anaknya itu diabaikan dan mendakwa terpaksa mengurungnya kerana dia menghadapi masalah kewangan," katanya.



BH 22/6/14  
MS 11